



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERLIS**

**UNIT PENTADBIRAN**

**PENGEMASKINIAN AKTIVITI BAGI BULAN OKTOBER 2022 JABATAN AKAUNTAN  
NEGERA MALAYSIA NEGERI PERLIS**

**AKTIVITI TERKINI**

1. **Sesi perjumpaan YBhg. Datuk ANM bersama pegawai JANM Negeri Perlis** telah diadakan dengan jayanya pada **18 Oktober 2022 (Selasa)** di **Bilik Mesyuarat A, Tingkat P, Bangunan Persekutuan Kangar, Perlis**. Pada sesi perjumpaan tersebut **YBhg. Datuk ANM telah memberi amanat dan menggariskan beberapa perkara berkenaan dengan JANM** seperti ruang kerja terbuka (Open Work Space), Robotik (UMI) Egumis WTD dan I-Payment (Pembayaran tanpa tunai). YBhg. Datuk ANM juga membuat lawatan ke tingkat 3, JANM Negeri Perlis. Selain itu, **Pengerusi Puspanita Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), YBhg. Datin Rugayah binti Mohd Zin juga telah memberi sedikit taklimat berkenaan dengan Puspanita**. Beliau juga menyeru supaya semua pegawai dan kakitangan JANM Negeri Perlis untuk mendaftar sebagai ahli puspanita melalui <https://ahli.puspanita.org.my/register>. Penyemakan keahlian juga boleh dilakukan melalui <https://ahli.puspanita.org.my/semakan-keahlian>.
-

**Foto Program Sesi Perjumpaan YBhg. Datuk ANM Bersama  
Pegawai JANM Negeri Perlis**





